

24 FEB 1997

Mahathir-Sosial

KERAJAAN SEDIA KERJASAMA DENGAN SEMUA PIHAK ATASI GEJALA SOSIAL

SEREMBAN, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk parti pembangkang dalam usaha mengatasi gejala sosial yang melanda negara.

Beliau berkata, masalah sosial bukan merupakan perkara yang harus dipolitikkan kerana ia memerlukan kerjasama semua pihak untuk membanterasnya termasuk pihak pembangkang.

Dr Mahathir yang nampaknya merujuk kepada Kerajaan Kelantan pimpinan Pas berkata, mereka sepatutnya sama-sama bekerjasama mencari jalan mengatasi gejala itu kerana ia lebih tertumpu kepada orang Melayu yang beragama Islam.

"Negeri itu sendiri kini turut dilanda masalah sosial yang lebih buruk. Oleh itu janganlah kita sombong, angkuh dan menganggap orang lain bodoh," katanya pada majlis jamuan tengah hari bersama pemimpin politik dan ketua-ketua jabatan kerajaan di sini hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd ali, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Anggota Exco Kerajaan Negeri.

Dr Mahathir berkata kerajaan Kelantan sendiri tidak mampu berbuat apa-apa bagi mengatasi masalah sosial yang melanda negeri itu terutama dengan penyakit AIDS dan penagihan dadah yang berlaku.

"Gejala ini timbul di negeri yang diperintah oleh parti yang mengaku boleh menyelesaikan masalah," katanya.

Menurut beliau kerajaan pusat berharap dapat bekerjasama dengan kerajaan negeri itu bagi membanterasnya.

Sebelum itu, Dr Mahathir dalam ucapannya turut menimbulkan soal kekerapan menukar kerajaan seperti yang berlaku di beberapa negara membangun, dan berkata tindakan sedemikian hanya akan menimbulkan keadaan tidak stabil.

"Kecualilah (jika) pertukaran itu hanya untuk yang lebih baik," kata beliau.

Menurut beliau, kerajaan yang silih berganti tidak akan membawa sebarang perbezaan terhadap negara malah akan menyebabkan keadaan tidak stabil.

"Pertukaran kerajaan yang kerap tidak akan menjamin apa-apa kejayaan dan juga ia belum tentu menjamin demokrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat kerana rakyat yang pelbagai kaum, budaya dan bahasa dapat menikmati kestabilan politik yang berpanjangan.

Beliau berkata kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk memastikan kemakmuran dan kepesatan ekonomi terus berkekalan "walaupun mungkin tidak 100 peratus".

Perdana Menteri berkata pendapatan pekerja di negara ini terutama di sektor perindustrian kini meningkat berkali ganda berbanding suatu masa dahulu dengan beberapa kemudahan dan insentif disediakan oleh majikan.

"Negara yang aman membolehkan sektor industri dibangunkan untuk menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat sehingga kilang-kilang berebut-rebut mendapatkan pekerja," katanya.

Ini kata Dr Mahathir menyebabkan kilang-kilang terpaksa menaikkan gaji tetapi ia (gaji) bagaimanapun tidak boleh naik terlalu tinggi kerana apa yang telah ditawarkan setakat ini sudah memadai.

"Kerajaan rela tak kutip cukai daripada kilang-kilang ini supaya mereka dapat melabur di sini dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Tak payah mogok...gaji naik dengan sendirinya."

Beliau juga berkata dalam keadaan negara harmoni, kerajaan turut melonggarkan beberapa peraturan yang berkaitan dengan budaya beberapa kaum di negara ini.

Tetapi ini tidak bermakna mereka boleh meminta perkara yang bukan-bukan seperti mengadakan syarahan agama selain daripada agama Islam dibuat di televisyen dan radio.

"Jika perkara ini dilakukan apa maknanya kalau kita panggil Malaysia sebagai negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi. Tentulah ada kedudukan yang istimewa sikit yang kita minta untuk agama Islam," kata Perdana Menteri.

Beliau berharap pihak-pihak tertentu tidak sampai menidakkan keistimewaan yang diberi kepada agama Islam di negara ini dan jangan keterlaluan meminta terlalu banyak sehingga menimbulkan perselisihan.

"Jangan kita adakan isu semata-mata untuk mencari populariti. Jangan disebabkan kita hendak dapat populariti kita dapat benda yang buruk daripadanya," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri turut menasihati parti-parti komponen BN supaya bersikap sederhana dalam apa jua permintaan mereka.

"Tidak semua yang diminta itu akan diperolehi kerana permintaan yang keterlaluan memungkinkannya tidak diperolehi langsung," katanya. -- BERNAMA

RAB MAI